



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---------------------------------------|---|
| - PM ajak rakyat daftar suntik vaksin | 3 |
| - 3545 kes positif baharu dicatat | 7 |

The Star

- | | |
|--|---|
| - Ampang Jaya police station reopens after virus scare | 8 |
|--|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PM ajak rakyat daftar suntik vaksin
Muka Surat	3

Nasional

Program Imunisasi COVID-19.Kebangsaan

PM ajak rakyat daftar suntik vaksin

BH 25/2/2021
ms 3

Dapatkan giliran menerusi aplikasi MySejahtera

Putrajaya: Mengukir sejarah sebagai individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 di negara ini dengan disaksikan secara langsung, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengajak segenap lapisan rakyat tampil mendaftar untuk melakukan perkara sama.

Berkongsi keyakinan untuk mengakhiri rantaian penularan COVID-19, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia dan mereka yang berada di negara ini perlu mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera bagi membolehkan giliran penerimaan suntikan vaksin COVID-19 ditentukan.

"Saya hendak merayu kepada rakyat Malaysia dan mereka yang tinggal di negara ini yang akan mendapat suntikan secara percuma, supaya tampil dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera supaya mendapat giliran diberi vaksin COVID-19.

"Yakin dan percayalah dengan usaha kerajaan ini untuk memastikan usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 akan berjaya.

"Kita perlu sama-sama mendukung usaha supaya negara kita bebas daripada wabak COVID-19 dalam tempoh singkat," katanya selepas majlis di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya Presint 11 di sini, yang turut menandakan bermula Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Perdana Menteri turut menceritakan pengalaman mengharungi detik bermakna mendapat dos pertama suntikan vaksin Pfizer-BioNTech.

"Saya tak rasa apa-apa pun. Sa-

Yakin dan percayalah dengan usaha kerajaan ini untuk memastikan usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 akan berjaya.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

ya tunggu sekejap tengok dah habis, macam suntikan biasa.

"Jangan bimbang tampil ke hadapan bila-bila masa," katanya.

Perdana Menteri menzahirkan kesyukuran kerana suntikan vaksin itu adalah lambang keyakinan bahawa ia selamat dan berkesan.

Terdahulu, sejurus tiba pada jam 2.25 petang, Perdana Menteri membuat saringan suhu badan dan gejala sebelum mendaftar



Muhyiddin menunjukkan poster 'Saya Telah Divaksin' selepas menerima suntikan di Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

menggunakan kod QR dalam MySejahtera.

Beliau kemudian menyerahkan kad pengenalan kepada petugas kesihatan untuk disahkan identiti penerima vaksin, sebelum ke auditorium bagi mendengar taklimat penerimaan vaksin oleh Pengarah Pejabat Ke-

sihatan Putrajaya.

Selesai taklimat, Muhyiddin mendengar penjelasan pegawai perubatan bertugas dan mengisi serta menandatangani borang persetujuan penerimaan vaksin, sebelum bergerak ke stesen suntikan untuk menerima vaksin berkenaan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	3,545 kes positif baharu dicatat
Muka Surat	7

Penularan COVID-19

3,545 kes positif baharu dicatat

BH 25/2/2021 ms 7

12 lagi kematian,
jumlah kumulatif
jangkitan wabak
291,774 kes

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 3,545 kes positif baharu COVID-19 direkodkan semalam dengan 12 kematian.

Ini menjadikan jumlah kumulatif jangkitan wabak itu di negara ini 291,774 kes dengan 30,677 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 3,544 kes membabitkan penularan tempatan, terdiri daripada 1,544 rakyat

negara ini dan 2,000 warga asing, manakala satu kes import membabitkan bukan warganegara.

Beliau berkata, kes jangkitan tertinggi direkodkan di Negeri Sembilan dengan sebanyak 1,392 kes dicatatkan, diikuti Selangor (581), Kuala Lumpur (381), Sarawak (353) dan Johor (318).

Katanya, sebanyak 189 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 88 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Sebanyak 12 kes kematian berkaitan COVID-19 direkodkan semalam dengan 11 kematian membabitkan rakyat tempatan, manakala seorang lagi warga asing

"Jumlah keseluruhan kematian 1,088 kes atau 0.37 peratus daripada keseluruhan kes yang direkodkan di Malaysia," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 3,331

Daripada jumlah itu, 3,544 kes membabitkan penularan tempatan, terdiri daripada 1,544 rakyat negara ini dan 2,000 warga asing, manakala satu kes import membabitkan bukan warganegara.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

kes pulih dari jangkitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 260,009 kes atau 89.11 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, satu kluster membabitkan upacara pengebumian di keson di Sabah dan kini membabitkan sebanyak 18 kes positif.

Beliau berkata, turut dikesan satu kluster yang membabitkan pasar di Bidor, Perak.

Katanya, kedua-dua kluster itu sebahagian daripada lapan kluster baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan semalam.

Selain Kluster Singsingon di daerah Nabawan di Sabah dan Kluster Pasar Bidor, beliau berkata, enam lagi kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Jalan Ulu Choh, Kluster Perindustrian Lukut dan Kluster Jalan Dato Yusus di Johor; Kluster Lorong Ba-

kau dan Kluster Vista Hilir di Pulau Pinang, manakala Kluster Jalan Enam dikesan di Selangor.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Singsingon dikesan membabitkan upacara pengebumian di Kampung Singsingon, Nabawan yang berlangsung antara 17 hingga 20 Februari lalu, manakala kes indeks bagi kluster itu dilaporkan positif COVID-19 kelmarin.

Katanya, Kluster Pasar Bidor pula membabitkan kes indeks seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 86 tahun yang dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Januari lalu sebagai kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dan mula bergejala pada 20 Januari 2021.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 112 individu sudah disaring, dan 25 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Ampang Jaya police station reopens after virus scare
Muka Surat	8

Ampang Jaya police station reopens after virus scare

TS 25/2/2021 W-8
AMPANG: The Ampang Jaya police station is now open to public following a thorough sanitisation process.

Ampang Jaya OCPD Asst Comm Mohamad Farouk Eshak said the public could now visit the station to lodge police reports and apply for interstate or inter-district travel permits from yesterday evening.

"The sanitisation was conducted by the Fire and Rescue Department and NGOs.

"We hope the public will still adhere to the Covid-19 standard operating procedure when they are at the station," he said when contacted.

It was initially reported that actions such as lodging police reports and applying for travel permits were suspended at the Ampang Jaya police station from Feb 23 until March 1.

This came after 11 personnel at the police station tested positive for Covid-19. No others have been infected since.

The affected police personnel are believed to have been infected by several detainees who had the virus.

However, the operations of other police stations within the Ampang Jaya district are not affected by this latest development.